

Staf UMSKAL laksana Sistem Fail Baharu

43 30-3-13 B3

JABATAN Pendaftar

Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Bengkel Pelaksanaan Sistem Fail Baharu UMS peringkat Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada 25 hingga 26 Mac lalu di Palm Beach Resort, Batu Manikar.

Bengkel dua hari itu dikendalikan Ketua Seksyen Mel dan Rekod, Jabatan Pendaftar UMS, Mashilla Nilus bersama Penolong Pegawai Tadbir, Seksyen Mel dan Rekod, Junaidah Lamjan.

Mashilla yang juga Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran dan Govenar, Jabatan Pendaftar UMS berkata bengkel itu bertujuan untuk memberikan kefahaman tentang manual klasifikasi fail baharu UMS kepada kakitangan di Kampus Labuan.

Katanya, ia juga untuk meningkatkan pengetahuan dan membantu dalam pelaksanaan penukaran sistem lama ke baharu.

“Bengkel itu untuk memberi kefahaman berkenaan Panduan Pengendalian Fail Rasmi UMS,” katanya.

Seramai 35 kakitangan UMSKAL yang terdiri daripada pegawai rekod dan pembantu tadbir rekod menghadiri bengkel anjuran bersama Bahagian Pentadbiran, UMSKAL.

Turut menghadiri bengkel itu ialah Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran, Sharifah Ismail.